



**MOHD FAUZI RAMLAN** (baris kedua, tengah) bersama wakil UPM, Kyutech serta pelajar sekolah menengah dari Malaysia dan Jepun selepas tamat sesi pembentangan projek kajian mereka dalam Simposium SAES 2014 di Kyutech, Fukuoka, Jepun, baru-baru ini.

# Inovasi, teknologi mesra alam Jepun beri inspirasi

**UNIVERSITI** Putra Malaysia (UPM), selaku peneraju program Sakura Science Plan (SSP): Pertukaran Belia Sains Jepun-Asia di negara kita, membawa 24 pelajar sekolah menengah ke simposium antarabangsa bagi memberi mereka inspirasi mencipta inovasi dan membangunkan teknologi mesra alam sekitar.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan berkata, pendedahan awal kepada penyelidikan muda membuat pembentangan di simposium antarabangsa ini bukan sahaja membolehkan mereka membina jaringan persahabatan malah yang lebih utama saling bekerjasama memanfaatkan kelebihan masing-masing.

“Bagi penyelidik-penyelidik muda, gunakan simposium ini untuk meningkatkan keyakinan diri terutama dari aspek komunikasi dan timba pengetahuan ketika lawatan ke makmal-makmal penyelidikan dan industri di sini,” katanya ketika berucap dalam maj-



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



**Kyutech**  
Kyushu Institute of Technology

lis perasmian Simposium Antarabangsa Kejuruteraan dan Sains Gunaan (SAES) 2014 di Kyushu Institute of Technology (Kyutech) di Fukuoka, Jepun, baru-baru ini.

Program SSP yang melibatkan UPM-Kyutech di bawah Japan Science and Technology (JST) ini merangkumi tiga pelan khusus iaitu aktiviti pertukaran sains dan teknologi melalui kuliah, latihan amali atau lawatan; aktiviti kerjasama penyelidikan jangka pendek, dan aktiviti berpandu melibatkan lawatan institusi terpilih di Jepun.

Dua sekolah menengah yang terlibat dalam lawatan yang ditaja JST ini ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Empat, Bandar Baru Bangi dan SMK Bandar Baru Sungai Long.

Sementara itu, pelajar SMK Jalan Empat, **Amirul Hakim Mohd Fauzi**, 17, memberitahu, dia mendapat pengetahuan baharu berkaitan teknologi satelit dan angkasa lepas yang dibentangkan oleh pelajar sekolah menengah dari Jepun.

“Walaupun sebaya namun mereka lebih maju dari segi pengetahuan berkaitan teknologi. Hal ini memberi inspirasi kepada saya untuk mendalami dan terlibat dalam bidang teknologi khususnya sains angkasa,” katanya.

Seorang lagi pelajar, **Syaza Dafinah Sulaiman**, 17, pula kagum dengan industri di Jepun yang mementingkan alam sekitar terutama dalam aspek mengawal pembebasan gas tercemar ke atmosfera.

“Produk yang dihasilkan juga kurang toksik, misalnya kami melawat ke sebuah kilang yang menghasilkan serbuk pencuci tanpa peluntur yang dapat menyelesaikan banyak masalah kulit,” ujarnya.